

24 JUN 2003

Pelancongan-Strategi/I

STRATEGI PELANCONGAN SELEPAS SARS UNTUK TARIK PELANCONG CHINA

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengumumkan strategi pemulihan pelancongan dalam usaha menarik pelancong dari China ke negara ini selepas wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Dr Ng Yen Yen berkata strategi itu termasuk menganjurkan program latihan bagi pengusaha pelancongan dan mereka yang bertugas di barisan hadapan di China bulan depan.

Dr Ng dilantik Timbalan Menteri Kewangan dalam rombakan Kabinet yang diumumkan Perdana Menteri Dr Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Latihan itu akan ditumpukan mengenai produk pelancongan Malaysia, keselamatan dan tempat-tempat menarik di negara ini," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat antara kementerian itu, Penerbangan Malaysia (MAS) dan Persatuan Pelancongan Malaysia-China (MCTA) di sini hari ini.

Strategi itu, yang ditubuhkan berikutan dengan pencapaian pada mesyuarat berkenaan, bertujuan memastikan jadual penerbangan MAS, China Southern Airline, Xiamen Airline, China Airlines dan Taiwan Airlines antara Malaysia, China, Hong Kong dan Taiwan kembali pulih menjelang pertengahan bulan depan, katanya.

Dr Ng berharap bilangan penerbangan akan bertambah pada Oktober dan dijangka kembali pada tahap biasa biasa Februari depan.

Beliau juga yakin bilangan pelancong dari kedua-dua negara berkenaan akan bertambah setelah rantau ini diisytiharkan bebas daripada SARS.

"Kita optimistik wabak SARS akan berakhir tidak lama lagi," katanya.

Strategi lain ialah mengukuhkan lagi projek pelancongan dalam negeri yang akan menumpukan kepada destinasi terpilih untuk menarik pelancong dari negara berbahasa Mandarin itu.

"Kita juga akan mengukuhkan tumpuan pelancong ke tempat-tempat terpilih seperti membeli-belah, pulau dan pantai kerana rakyat dari negara itu lebih berminat ke destinasi ini," kata beliau.

Bilangan pelancong dari China, Hong Kong dan Taiwan melawat negara ini hampir satu juta tahun lepas.

Bilangan pelancong telah berkurangan hampir 90 peratus bulan Mac dan April tahun ini, kata beliau.

-- BERNAMA

NN SNS BK RON